

PTPTN telah mengeluarkan pinjaman RM32.07 bilion kepada 2.6 juta pelajar

1.5 juta peminjam dalam CCRIS

KUALA LUMPUR - Seramai 1,574,700 peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) sehingga 10 November lepas.

Jumlah itu bersamaan dengan kira-kira lima peratus daripada bilangan 31.7 juta penduduk Malaysia pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching (**gambar kecil**) berkata, nilai keseluruhan pinjaman PTPTN sehingga kini berjumlah RM32.07 bilion.

Menurut beliau, CCRIS bukan satu mekanisme bagi PTPTN untuk menyenaraikan peminjam tegar yang enggan membayar pinjaman seperti tanggapan sesetengah pihak.

"Namun rekod bayaran balik pinjaman dalam CCRIS adalah amalan terbaik semua



ORANG ramai mengunjungi Ibu Pejabat PTPTN, Wisma Chase Perdana, Kuala Lumpur untuk bertanya mengenai pinjaman PTPTN. - Gambar hiasan

institusi kewangan bagi memastikan peminjam membuat bayaran balik secara teratur," kata beliau pada persidangan Dewan Negara di sini semalam.

Mary menjawab soalan Senator Datuk Ng Chiang Chin mengenai insentif diskaun yang ditawarkan dalam Bajet 2017 dan jumlah terkini pinjaman yang diberikan PTPTN.

Mary berkata, PTPTN telah memberi pinjaman kepada

2.6 juta peminjam sehingga mereka tamat belajar melibatkan peruntukan berjumlah RM59.67 bilion sehingga November lepas.

"Bagi tempoh sama juga, PTPTN menerima bayaran balik sejumlah RM10.07 bilion daripada 1.2 juta peminjam berbanding RM18.84 bilion yang sepatutnya dikutip daripada 1.9 juta peminjam," katanya.

Dalam Bajet 2017 Oktober



KERATAN Kosmo!
22 Oktober 2016.

lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan akan memberi insentif diskaun berkuat kuasa serta-merta sehingga akhir tahun 2017 bagi menggalakkan peminjam PTPTN membayar balik pinjaman.

Menurut Najib, insentif itu melibatkan diskaun 15 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman.

"Insentif lain adalah diskaun sebanyak 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran.

"Insentif juga melibatkan diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau potongan terus mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan," kata Najib.

- Bernama

INFO PTPTN

- 1,574,700 peminjam PTPTN disenaraikan dalam CCRIS sehingga 10 November lepas
- Jumlah peminjam PTPTN disenarai dalam CCRIS membabitkan kira-kira lima peratus daripada bilangan 31.7 juta penduduk Malaysia
- PTPTN telah meluluskan pinjaman RM32.07 bilion kepada 2.6 juta pelajar
- PTPTN telah mengutip balik bayaran berjumlah RM10.07 bilion daripada 1.2 juta peminjam

CCRIS

- Sistem yang mengumpul maklumat mengenai individu yang mengambil pinjaman daripada institusi kewangan dan membekalkan semula maklumat tersebut kepada institusi kewangan
- Maklumat ini digunakan sebagai salah satu sumber oleh institusi kewangan untuk membentuk pandangan mengenai sejarah kredit peminjam sedia ada atau bakal peminjam mereka
- CCRIS bukanlah sistem yang menyenaraikan peminjam seperti tanggapan sesetengah pihak
- Bank Negara Malaysia mewujudkan CCRIS supaya institusi kewangan boleh membuat keputusan pemberian pinjaman berdasarkan maklumat yang mencukupi dengan lebih cepat
- PTPTN mula menyenaraikan nama peminjam dalam CCRIS pada 1 Januari 2015.